

Roslinda Binti Abdul Razak

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, March 9, 2017 9:25 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Syarahan Felo Adjung Kongsi Pandangan dan Idea Tentang BR1M



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



9 MAC 2017 / 10 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

SYARAHAN FELO ADJUNG KONGSI PANDANGAN DAN IDEA TENTANG BR1M



UUM ONLINE: *'BR1M: To Give Or Not To Give. Review and Proposals To Reform'* menjadi topik Dr Muhammed Abdul Khalid, Pengarah Penyelidikan, Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) yang juga Felo Adjung Pusat Penyelidikan Koridor Utara (NCRC) pada Syarahan Felo Adjung NCRC di Dewan Kuliah Gugusan (DKG) 2/3, semalam.

Beliau memulakan syarahan dengan membentangkan definisi BR1M atau Bantuan Rakyat 1Malaysia iaitu bantuan kerajaan dalam membantu meringankan perbelanjaan kos sara hidup rakyat di negara ini dengan menyediakan bantuan tunai secara *'one-off'* kepada rakyat sejak 2012.

Menurutnya, bantuan tersebut merupakan tunai sebanyak RM500 kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah dan selain BR1M, kerajaan juga memberikan Bantuan Persekolahan sebanyak RM 100 kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara.

Dalam syarahan tersebut, beliau telah menekankan beberapa isu utama BR1M iaitu kesan kepada penerima, persepsi negatif orang awam dan kos fiskal serta sasarannya, selain berkongsi idea dan pandangan kewajaran BR1M dikaji semula untuk pembaharuan atau sebaliknya.

Dr Muhammed berkata, bagi setiap 100 orang dewasa di Malaysia, sebanyak 32 daripadanya adalah penerima BR1M dan mengikut kumpulan etnik, Melayu mencatatkan peratusan tertinggi sebanyak 55, diikuti Cina (20 peratus), bukan Bumiputera (14 peratus), India (9 peratus), lain-lain (3 peratus) dan orang asli (0.1 peratus).

"Manakala jika mengikut kumpulan usia, 60 tahun dan ke atas mencatat 28 peratus dan mengikut peringkat pendapatan pula, penerima berpendapatan RM1,000 dan ke bawah mencatatkan peratusan tertinggi sebanyak 56 peratus yang mendapat BR1M ini.

"Selain itu, kajian ini juga menunjukkan peratusan penerima mengikut kategori seperti jantina, status perkahwinan dan juga pekerjaan," katanya yang turut mengadakan sesi soal jawab dengan peserta yang hadir.

Hadir sama Pengarah NCRC, Prof Madya Dr Rohana Yusof dan pegawai-pegawai UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising

from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.